

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang ditanya.

"Ke manakah engkau pergi, Oren?" soalnya sambil mengusap-usap kucingnya itu. Dia kehairanan kerana bulu Oren terjaga bersih walaupun telah beberapa hari kucingnya itu tidak pulang ke rumah seolah-olah ada orang yang membersihkannya.

Kemudian, dia membawa Oren ke dapur. Dia mengambil susu dari peti sejuk dan disuapnya kepada Oren, namun Oren hanya membiarkan susu itu. Dengan manjanya Oren kembali kepadanya sambil menggeselkan badan di kakinya. Selepas itu, dia kembali mendukung Oren. Oren memandangnya dengan lembut. Lantas dia mencium pipi Oren. Perbuatannya itu tidak pernah dilakukannya sebelum ini walaupun kepada Kelabu.

"Mengapa, Oren?" Dia tidak tahu akan sebabnya dia menanyakan soalan itu tetapi dia dapat merasakan perasaannya yang sayu setiap kali mata Oren dan matanya bertemu. Dia cuba untuk menepis perasaan sayu dan bersalah kerana mengabaikan Oren setelah kehadiran Kelabu.

Dia membawa Oren ke ruang tamu rumahnya semula. Sambil duduk di sofa dia membelai-belai Oren dengan manja. Dia mencuba untuk berbual-bual dengan Oren, iaitu perbuatan yang jarang-jarang dilakukannya. Oren membalasnya dengan mengiau-ngiau.

Dipetik daripada cerpen "Oren",
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1.(1) Mengapakah "dia" berasa hairan apabila melihat keadaan Oren?

- ☐ A Oren menunjukkan tingkah laku yang manja.
- ☐ B Oren tidak mahu menjamah susu yang diberikan kepadanya.
- ☐ C Oren mula mengabaikannya setelah kehadiran Kelabu di rumahnya.
- ☐ D Oren dalam keadaan yang bersih walaupun sudah beberapa hari tidak pulang ke rumah.

2.(2) Berdasarkan petikan di atas, "dia" digambarkan sebagai seorang yang...

- ☐ A jujur.
- ☐ B berani.
- ☐ C peramah.
- ☐ D penyayang.

3.(3) Latar masyarakat yang digambarkan dalam petikan cerpen ini ialah...

- ☐ A masyarakat yang prihatin terhadap haiwan terbiar.
- ☐ B masyarakat yang sayang akan haiwan peliharaan.
- ☐ C masyarakat yang hidup dalam keluarga yang harmoni.
- ☐ D masyarakat yang hidup dengan bergantung pada pihak lain.

4.(4) Apakah kesudahan cerpen "Oren"?

- ☐ A Oren akhirnya pulang ke rumah dalam keadaan yang selamat.
- ☐ B Oren dijumpai di taman permainan dengan bantuan jiran tetangga.
- ☐ C Oren ditemui mati di celah pokok tua yang tumbang di taman permainan.
- ☐ D Oren menghilangkan diri kerana tidak disayangi lagi sejak kehadiran Kelabu.



Kuingin Berterima Kasih

Sesekali kuingin berterima kasih
kepadamu hujan bagi tetamu
jiwa pun menjadi dingin
api amarah pun terpadam.

Sesekali kuingin menyemai budi
kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu
ikan-ikan yang riang
liar di belantara samudera
kerana sudi membebaskan derita
nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum
kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya.

Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerahkan keinsafan
kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini.

Dipetik daripada antologi,
Kuingin Berterima Kasih, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

5.(1) Sajak "Kuingin Berterima Kasih" membawa tema...

- ☐ A keinsafan manusia terhadap kekejaman perang.
- ☐ B kepayahan hidup para nelayan yang mencari rezeki di lautan.
- ☐ C kesyukuran dan penghargaan atas segala nikmat yang dikecapi dalam kehidupan.
- ☐ D pengorbanan pejuang negara yang bergadai nyawa untuk mempertahankan tanah air.

6.(2) Mengapakah penyajak berasa kagum terhadap pejuang negara?

- ☐ A Memberikan rezeki kepada para petani
- ☐ B Sentiasa berjuang demi negara tercinta
- ☐ C Menyedarkan manusia tentang kesan akibat peperangan
- ☐ D Menghilangkan derita nelayan tua yang tinggal di pondok

7.(3) Frasa **kepadamu hujan bagi tetamu** mengandungi gaya bahasa...

- ☐ A simile.
- ☐ B inversi.
- ☐ C metafora.
- ☐ D hiperbola.

8.(4) Pengajaran yang sesuai bagi **rangkap keempat** sajak ini ialah...

- ☐ A kita hendaklah bersimpati kepada golongan yang susah.
- ☐ B kita hendaklah menghargai perjuangan dan pengorbanan pejuang tanah air.
- ☐ C kita digalakkan untuk mengisi kekosongan hidup dengan aktiviti yang bermanfaat.
- ☐ D kita perlulah berterima kasih atas segala nikmat yang kita kecapai dalam kehidupan.

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Bapa ... bapa ada duit, kan?" tanya Azizah pada pagi itu ketika mereka bersarapan. Sarapan pada pagi itu ialah nasi goreng dan kopi susu. Azizah tidak berselera untuk makan.

"Pagi-pagi tanya pasal duit, kenapa Zah?" tanya bapanya kehairanan melihat Azizah.

"Bapa ada duit tak?" tanya Azizah lagi. Geleng.

"Tak kan tak ada langsung."

"Adalah sikit, buat bayar hutang pun tak cukup."

"Bagi Zah pinjam sepuluh ringgit," pinta Azizah dengan nada merayu.

"Nak buat apa sampai sepuluh ringgit. Duit itu bapa nak bayar hutang barang kedai Tong Seng. Cuba tanya mak kau," kata bapanya menyebabkan Azizah berasa hampa.

"Zah nak buat apa duit sebanyak itu?" tingkah emak tanpa menanti soalan Azizah. Azizah diam. Bungkam.

"Nak beli buku?"

Geleng.

"Habis itu?"

"Zah nak beli hadiah."

"Hadiah apa pulanya ini?" tanya bapa separuh kehairanan.

"Hadiah Hari Guru."

"Untuk slapa?" tanya emak pula. Keningnya berkerut.

"Untuk Cikgu Zaleha."

"Kalau tak berikan hadiah tak apa kan?" tanya bapa sambil mengunyah nasi goreng perlahan-lahan.

"Tak apa, tapi malulah Zah. Kawan-kawan semuanya beli hadiah untuk guru kesayangan mereka. Ada yang membuatnya sendiri. Mereka ada kakak dan abang yang tolong buat. Macam Zah ini, duit pun tak ada. Nak minta Abang Azman tolong buat, dia pula jauh di Shah Alam."

"Kalau macam tu, Zah pun boleh buat sendiri hadiah untuk Cikgu Zaleha," kata emak memujuk.

Dipetik daripada cerpen "Hadiah" oleh Tie Camar,
antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

9.(1) Apakah tujuan Azizah meminta wang daripada bapanya?

- ☐ A Untuk membeli buku rujukan
- ☐ B Untuk membeli sarapan di kantin
- ☐ C Untuk membeli hadiah untuk gurunya
- ☐ D Untuk membayar hutang barang kedai

10.(2) Mengapakah Azizah berasa hampa apabila mendengar kata-kata bapanya?

- ☐ A Bapanya ingin memberikan wang itu kepada Abang Azman.
- ☐ B Bapanya meminta Azizah meminjam wang daripada ibunya.
- ☐ C Bapanya ingin menggunakan wang itu untuk membayar hutang.
- ☐ D Bapanya mahu membeli barang dapur dengan menggunakan wang itu.

11.(3) Ibu Azizah memberikan cadangan kepada Azizah untuk menyelesaikan masalahnya, iaitu...

- ☐ A memberikan wang supaya Azizah dapat membeli hadiah.
- ☐ B mencadangkan Azizah meminta bantuan daripada kawannya.
- ☐ C meminta Azizah untuk membuat sendiri hadiah untuk gurunya.
- ☐ D meminta bantuan daripada Abang Azman untuk membuat hadiah.

12.(4)

"Kalau tak berikan hadiah tak apa kan?" tanya bapa sambil mengunyah nasi goreng perlahan-lahan.



Unsur gaya bahasa pada kata yang bergaris di atas ialah...

- ☐ A sinkope.
- ☐ B metafora.
- ☐ C hiperbola.
- ☐ D personifikasi.

Soalan yang berikut berdasarkan petikan rencana di bawah ini.

Tekanan ialah **ketidakstabilan** emosi dalam kalangan remaja yang memberikan kesan negatif kepada remaja itu sendiri. Punca tekanan kepada remaja ialah kerja rumah yang terlalu banyak diberikan oleh guru. Masalah ini menyebabkan murid tenggelam dalam stres untuk menyiapkan kerja rumah dan tidak mendapat rehat yang cukup. Punca seterusnya ialah murid yang dibuli di sekolah. Murid yang dibuli akan berasa sedih dan bersikap negatif. Mereka juga suka menjauhkan diri daripada rakan-rakan. Selain itu, faktor ibu bapa yang meletakkan harapan yang terlalu tinggi kepada anak-anak mereka juga menjadi punca kepada isu ini.

Kesan tekanan kepada remaja ialah mereka akan berfikir negatif. Dalam hal ini, ibu bapa perlu memberikan kasih sayang supaya mereka tidak berfikir negatif. Kesan yang kedua ialah remaja akan mempunyai masalah untuk bersosial seperti suka menjauhkan diri daripada remaja lain. Selain itu, mereka juga takut untuk bersosial kerana bimbang akan menjadi mangsa buli. Kesan yang terakhir ialah menyebabkan murid kurang fokus dalam pelajaran dan gagal untuk mendapat keputusan yang memuaskan.

Cara untuk mengatasi masalah tekanan yang dihadapi oleh remaja ialah mereka perlu berbincang dengan ibu bapa tentang cita-cita dan kebolehan diri mereka. Hal ini bertujuan untuk menjelaskan kepada ibu bapa agar tidak memberikan harapan yang terlalu tinggi kepada mereka. Seterusnya, remaja perlu melibatkan diri dengan aktiviti sukan. Melalui sukan, kita dapat mengeluarkan peluh dan menghirup udara segar, seterusnya melepaskan diri daripada tekanan. Di samping itu, remaja perlu mendapatkan nasihat daripada guru atau kaunselor tentang masalah yang dihadapi untuk mengurangkan tekanan yang dialami.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Tekanan Remaja pada Masa Ini'
oleh Nicky Wan Kun Seng,
Dewan Siswa Bil. 7/2019

13.(1) Murid yang dibuli di sekolah akan menunjukkan tanda-tanda seperti yang berikut, **kecuali**...

- ☐ A berasa sedih.
- ☐ B bersikap negatif.
- ☐ C suka menjauhkan diri.
- ☐ D menyalahkan diri sendiri.

14.(2) Mengapakah ibu bapa perlu mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak?

- ☐ A Supaya mereka tidak berfikir negatif
- ☐ B Supaya mereka dapat fokus dalam pelajaran
- ☐ C Supaya dapat melepaskan diri daripada tekanan
- ☐ D Supaya dapat menunjukkan kebolehan diri mereka

15.(3) Antara yang berikut, yang manakah cara yang berkesan untuk mengatasi masalah tekanan yang dihadapi oleh remaja?

- ☐ A Melarikan diri daripada masalah
- ☐ B Memberikan fokus terhadap pelajaran
- ☐ C Melibatkan diri dengan aktiviti kesukanan
- ☐ D Berbincang bersama-sama dengan rakan-rakan

16.(4) Kata **ketidakstabilan** dalam petikan bermaksud...

- ☐ A keadaan yang tidak tenang.
- ☐ B keadaan yang tidak bergolak.
- ☐ C keadaan yang tidak seimbang.
- ☐ D keadaan yang tidak berubah-ubah.

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Azizah, cikgu nak hadiah yang lebih besar, boleh?"

Wajah Cikgu Zaleha yang begitu tulus dan penuh kesungguhan itu ditengok Azizah lama-lama. Ingin meneka apa-apa yang tersirat di sebalik perkataan "besar" itu.

"Saya tak mampu, cikgu. Saya belajar buat hadiah ini pun kerana saya tak mampu membeli dengan wang, cikgu. Gaji bapa kecil sahaja. Emak tak ada gaji tetap." Lurus luahan rasa Azizah. Cikgu Zaleha memaut bahu kanan Azizah.

"Profesor Azizah, cikgu yakin kamu boleh beri hadiah yang besar maknanya kerana kamu memang layak, rajin dan kuat berusaha. Hanya orang yang bersikap seperti Profesor Azizahlah yang akan memberikan kepuasan kepada cikgu. Tolong, ya?" Dengan bersungguh-sungguh Cikgu Zaleha meletakkan Borang Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah di tangan kanan Azizah. Ceraian B khusus untuk Azizah, iaitu menghasilkan dua puluh karya anyaman dengan menggunakan bahan semula jadi. Cikgu Zaleha yakin sungguh kepada Azizah yang diiktiraf sebagai murid yang serba boleh, cuma sifat rendah diri dalam diri Azizah itu terlalu tebal.

"Cikgu berbangga kalau Azizah menang tapi kalau Azizah tarik diri ... bermakna Azizah kalah. Yang paling penting, kita sertaini peraduan ini kerana peraduan ini menguji daya usaha dan kreativiti kita."

Dipetik daripada cerpen "Hadiah",
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1
Kementerian Pendidikan Malaysia

17.(1) Apakah reaksi Azizah apabila Cikgu Zaleha meminta hadiah yang lebih besar daripadanya?

- ☐ A Azizah memberitahu tentang bapanya yang tidak bergaji tetap.
- ☐ B Azizah merenung wajah Cikgu Zaleha untuk memahami permintaan itu.
- ☐ C Azizah berasa sedih kerana tiada wang untuk membeli hadiah yang diminta oleh Cikgu Zaleha.
- ☐ D Azizah meluahkan kesusahan yang dihadapinya untuk membuat hadiah itu kepada Cikgu Zaleha.

18.(2)

"Azizah, cikgu nak hadiah yang lebih besar, boleh?"

Teknik plot yang digunakan dalam petikan di atas ialah...

- ☐ A dialog.
- ☐ B monolog.
- ☐ C pemerian.
- ☐ D imbas kembali.

19.(3) Yang berikut merupakan perwatakan Azizah yang terdapat dalam petikan cerpen di atas, **kecuali**...

- ☐ A merendah diri.
- ☐ B gigih berusaha.
- ☐ C murid yang serba boleh.
- ☐ D berani menghadapi cabaran.

20.(4) Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan cerpen tersebut.

- ☐ A Cikgu Zaleha memanggil Azizah dengan panggilan Profesor Azizah.
- ☐ B Azizah berminat untuk menyertai Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah.
- ☐ C Azizah berjanji akan memberikan hadiah yang lebih besar kepada Cikgu Zaleha.
- ☐ D Cikgu Zaleha meminta Azizah menyiapkan sepuluh karya anyaman dengan menggunakan bahan semula jadi.